

Klasifikasi Akaun dan Persamaan Perakaunan: Soalan 60

James Macky, seorang peguam, telah memulakan firma guamannya sebagai Macky Advocates pada 1 Julai 2016. Baki akaun perniagaan ini pada akhir bulan pertamanya adalah seperti berikut:

	RM
Tunai	10,000
Akaun belum terima	3,000
Bekalan pejabat	1,000
Alatan pejabat	12,000
Akaun belum bayar	8,400
Modal	17,600

Urus-urus niaga berikut telah berlaku dalam bulan Ogos 2016:

1. Menerima bayaran dari akaun belum terima RM2,400.
2. Bayar akaun belum bayar RM5,600.
3. Yuran guaman terperoleh ialah RM16,000. Bayaran pertama sebanyak RM6,000 telah dikutip dan bakinya akan dikutip pada bulan Oktober 2016.
4. Membeli alatan pejabat RM4,000 dengan bayaran pendahuluan sebanyak RM800. Bakinya akan dibayar dalam tiga ansuran bulanan yang sama mulai September 2016.
5. Bayar gaji RM5,000 dan belanja iklan RM600.
6. Ambilan wang untuk kegunaan sendiri RM1,400.
7. Inventori bekalan pejabat pada akhir bulan Ogos adalah RM420.

Dikehendaki:

Sediakan satu jadual persamaan perakaunan menunjukkan kesan setiap urus niaga atas akaun-akaun yang relevan serta satu penyata kedudukan kewangan bagi Macky Advocates pada 31 Ogos 2016.